

15/03/1998

Bukan masa rebut jawatan: PM

KUALA SELANGOR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap ahli Umno menyetepikan dulu hasrat untuk membuat pembaharuan dalam kepemimpinan pada peringkat bahagian kerana sekarang bukan masa yang sesuai untuk berebut jawatan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata ahli tidak dihalang membuat pembaharuan, tetapi tindakan itu dikhuatiri akan menyebabkan perpecahan dan akhirnya Umno kehilangan kuasa untuk meneruskan perjuangan membela hak serta kepentingan orang Melayu.

"Kita tidak boleh utamakan politik peribadi pada masa ini kerana bukan masanya untuk kita pegang jawatan bagi mencari tempat atau dapatkan tempat pada pilihan raya akan datang atau sebagainya.

"Jika ingin perubahan kepemimpinan dalam parti, kita boleh lakukan kemudian kerana yang penting hari ini mengukuhkan perpaduan yang menjadi asas kekuatan Umno untuk mengelak negara dijajah sekali lagi.

"Kalau kita tidak mempunyai kuasa menentukan dasar dalam negara kita, ini bermakna kita sudah dijajah," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kuala Selangor di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Menurut Dr Mahathir, tidak ada siapa boleh menafikan bahawa kemakmuran, keamanan dan kemajuan yang dinikmati negara sekarang adalah hasil kekuatan Umno.

"Umno yang lemah tidak boleh membuat sesuatu untuk negara dan kalau Umno tidak kuat, Barisan Nasional (BN) juga akan menjadi lemah," katanya.

Justeru, kata Perdana Menteri, amat penting semua ahli Umno memahami keadaan genting yang dihadapi negara sekarang.

Katanya, janganlah kerana pemilihan pemimpin di peringkat bahagian, ahli begitu asyik berebut jawatan sehingga perjuangan Umno diketepikan.

"Sepatutnya apabila kita bertanding, kita bertanding secara biasa hanya untuk melihat sama ada kita menang atau tidak, dapat sokongan atau tidak dan tidak lebih daripada itu.

"Tetapi pertandingan selalunya menjadi begitu sengit hingga kita bermusuhan antara calon dengan calon, penyokong dengan penyokong dan yang kalah mengasingkan diri hingga sanggup mengkhianati parti," kata Dr Mahathir.

Katanya, permusuhan itu pula berlarutan sehingga pilihan raya apabila calon yang kalah dalam pemilihan bahagian, enggan menyokong calon yang dipilih parti untuk bertanding.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut kesal kerana masih ramai ahli Umno belum faham amalan demokrasi sebenar.

"Demokrasi untuk menentukan siapa mendapat sokongan ramai dan mereka yang mendapat sokongan ramai tentulah orang yang cukup layak, bijak, pandai dan tidak terbabit dalam rasuah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tujuan pemilihan sudah diseleweng dan dipesongkan dengan menggunakan tipu muslihat untuk mendapat sesuatu.

"Percayalah kalau kita tidak mengawal dan mendisiplinkan diri kita sebagai ahli Umno dan menolak segala sogokan, maka parti kita akan menjadi lemah dan tidak dapat memerintah negara.

"Insya-Allah, kalau kita pandai memilih pemimpin parti, kita akan kekal dan nasib kita akan terus terpelihara. Ini harapan kita dalam Umno," katanya.

(END)

